



Selamat Datang Pelajar Baru Sesi 2007/2008

Isu ke-2 - November 2007

# RFID (Radio Frequency Identification)

## Kini di Perpustakaan Hospital UKM

Oleh Maimunah Kadir

Perpustakaan Hospital UKM telah mencipta sejarah dengan memperkenalkan sistem RFID (*Radio Frequency Identification*) bagi mempertingkatkan lagi sistem pinjaman dan pemulangan secara layan diri. Sistem RFID yang dilaksanakan di Perpustakaan Hospital UKM agak unik dimana ianya merupakan sistem hibrid. Ini bermakna sistem ini boleh membaca tag RFID serta kod palang buku. Sistem hibrid ini membolehkan Perpustakaan melaksanakan sistem RFID tanpa melibatkan kos yang tinggi pada satu masa kerana sistem ini boleh membaca kod palang. Ini bermakna Perpustakaan dapat merancang bagi penghijrahan kepada sistem RFID sepenuhnya secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan yang ada. Peruntukan 'one-off' bagi 2006 yang telah diperuntuk kepada Perpustakaan telah dibelanjakan untuk memperoleh 1 unit mesin pinjaman secara layan diri, 1 stesen kerja, 1 unit mesin pemulangan secara layan diri, 3 panel pintu RFID serta 1 unit 'Digital Library Check'. Perpustakaan Hospital UKM merupakan Perpustakaan pertama di Malaysia yang memperkenalkan sistem RFID secara hibrid dan juga telah dipilih sebagai lokasi rujukan bagi sistem tersebut oleh PV Knowledge, pembekal utama sistem tersebut.



Mesin Pinjaman Layan Diri



Mesin Pemulangan Layan Diri

Sistem ini mula diperkenalkan pada 21 Februari 2007. Walaupun pada mulanya pelanggan perpustakaan agak ragu-ragu untuk menggunakan sistem tersebut, tetapi alhamdulillah dengan tunjuk ajar dari kakitangan perpustakaan penggunaan sistem tersebut kini telah diterima pakai sepenuhnya oleh pelanggan perpustakaan. Pengenalan sistem ini juga telah membolehkan penjimatan kakitangan yang bertugas di kaunter. Kalau dulu perpustakaan memerlukan dua kakitangan bertugas di kaunter, sekarang ia hanya memerlukan seorang kakitangan sahaja. Penjimatan sumber manusia ini digunakan untuk membantu pengguna perpustakaan bagi memberi perkhidmatan khidmat nasihat dari segi pencarian maklumat serta melayan pelanggan di dalam memberi tunjuk ajar bagi kaedah pengesanan maklumat.

maklumat serta melayan pelanggan di dalam memberi tunjuk ajar bagi kaedah pengesanan maklumat.

## CCTV di Perpustakaan Hospital UKM

Kini terdapat dua unit CCTV (*Close Circuit Television*) tambahan yang telah dipasang di beberapa lokasi strategik di Perpustakaan. CCTV ini boleh bergerak 360 darjah dan berupaya merakam segala aktiviti pelanggan di perpustakaan. Dengan tambahan 2 unit CCTV baru ini, Perpustakaan HUKM telah dilengkapi dengan 6 unit CCTV.



### Menarik di dalam...

Berita Kakitangan > Kenaikan Pangkat > Kakitangan Baru > Majlis Perpisahan & Pertukaran Tempat Kerja > Perkahwinan & Kelahiran Anak | Portal Perpustakaan | Aktiviti Perpustakaan > Lawatan ke Pusat Sumber Petronas > Hari Bersama Pelanggan | Ulasan Buku | Pangkalan Data > InfoPoems > Primal Pictures | Sanggar Kerja Perpustakaan 2007 dan lain-lain...

## Sidang Redaksi

**Penasihat**  
Maimunah Kadir

### **Sidang Pengarang**

Azlan Mohamad Hamzah  
Azman Idris  
Mariati Embong  
Wan Suhaimi Ariffin  
Jamaludin Abdul Samad  
Roslan Abdul Manan

### **Grafik/Layout**

Khairul Azmi Talkili

### Waktu Pembukaan / Penutupan Perpustakaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 10.00 malam  
Sabtu 9.00 pagi - 2.00 petang

\* Tutup pada hari Ahad, Sabtu Minggu pertama dan hari kelepasan am.

### Waktu Pembukaan / Penutupan Perpustakaan Semasa

#### Minggu Peperiksaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 11.00 malam  
Sabtu 9.00 pagi - 4.00 petang

\* Tutup pada hari Ahad, Sabtu Minggu pertama dan hari kelepasan am.

### Hubungi kami di:

Perpustakaan Hospital UKM  
Tingkat 3, Kompleks Pendidikan Perubatan  
Canselor Tuanku Ja'afar,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,  
56000 Cheras, Kuala Lumpur.  
Tel: +603-91733333 ext: 3504  
Faks: +603-91738610  
<http://lib.hukm.ukm.my>

### Kakitangan Baru

Perpustakaan HUKM telah menerima 3 orang kakitangan sokongan baru pada awal bulan Julai 2007 bagi memantapkan lagi perkhidmatan di perpustakaan. Mereka ialah:



En. Mohd Zaki Omar



Cik Siti Salmah Md Yusof



Puan Hayati Yahaya

1. En. Mohd Zaki Omar menjawat jawatan Pembantu Perpustakaan S17 dan menjalankan tugas Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP).
2. Cik Siti Salmah Md Yusof menjawat jawatan Pembantu Perpustakaan S17 dan menjalankan tugas di Kaunter Pinjaman/Pemulangan.
3. Puan Hayati Yahaya menjawat jawatan Pembantu Tadbir Rendah N11 dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran.

## **Berita Kakitangan**

### Kenaikan Pangkat

Tahniah kepada:

1. Ketua Perpustakaan HUKM, Puan Maimunah Kadir yang telah dinaikkan pangkat dari Timb. Ketua Pustakawan gred S48 ke jawatan Timb. Ketua Pustakawan Kanan gred S52.
2. En. Wan Suhaimi Ariffin yang telah dinaikkan pangkat dari Pustakawan Kanan gred S44 ke jawatan Timb. Ketua Pustakawan gred S48.
3. En. Azman Idris telah dinaikkan pangkat dari Pustakawan gred S41 ke jawatan Pustakawan Kanan gred S44. En. Azman kini menjadi Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Khidmat Pelanggan.
4. Puan Roslinda Abd. Rauf telah dinaikkan pangkat dari Pembantu Perpustakaan gred S17 ke jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan gred S27. Kini beliau ditempatkan di Bahagian Jurnal dan Jilidan.



Puan Maimunah Kadir



En. Wan Suhaimi Ariffin



En. Azman Idris



Puan Roslinda Abd. Rauf

### Majlis Perpisahan & Pertukaran Jemput Kerja

Warga Perpustakaan HUKM telah mengadakan jamuan perpisahan untuk:

1. En. Shaari telah bertukar ke Perpustakaan Dr Abdul Latiff.
2. Cik Khadijah telah meletak jawatan dan telah memulakan tugas di Putrajaya.
3. Puan Rusiah Husin telah bertukar ke Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA) UKM, Bangi.



En. Shaari Barmawi



Cik Khadijah Che Nat



Puan Rusiah Husin

### Perkahwinan

1. Puan Arzian Azwani Aris dan pasangannya Mohamad Hermanizam telah melangsungkan perkahwinan mereka pada 24 Ogos 2007 yang lalu. Semoga berbahagia ke akhir hayat.

### Kelahiran Anak

1. En. Khairul Azmi Talkili telah dikurniakan anak lelaki pada 14 Februari 2007.
  2. En. Azlan Mohamad Hamzah telah dikurniakan anak lelaki pada 26 April 2007.
  3. En. Afandi Hashim telah dikurniakan anak perempuan pada 16 Julai 2007.
- Semoga dengan kehadiran cahayamata ini akan menambahkan lagi keceriaan dalam keluarga mereka.

# Portal Perpustakaan Hospital UKM

## Portal Perpustakaan HUKM berwajah baru


Portal Perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) telah berpindah kepada versi baru bermula Ogos 2007. Perpindahan kepada versi baru ini adalah seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Antara ciri – ciri portal versi baru ialah :

1. Menggunakan perisian php versi 2.10.1
2. Menggunakan perisian I-Content untuk mengurus dan mengemaskini kandungan portal dengan lebih mudah dan cepat.
3. Paparan dan rekabentuk Portal yang lebih kemas dan teratur.

Portal Perpustakaan HUKM juga menawarkan :

### 1. Perkhidmatan Dalam Talian


Perkhidmatan Dalam Talian membolehkan pelanggan membuat Permohonan Sistem Pembekalan Dokumen, Pinjaman Antara Perpustakaan serta cadangan buku baru secara dalam talian serta memudahkan pelanggan memperoleh bahan dan maklumat yang diperlukan. Dengan ini, semua permohonan yang dikemukakan boleh diproses dengan cepat.




Cadangan Buku Baru dalam talian

### 2. Pangkalan Data Langgan

Menyediakan akses kepada lebih daripada 10 pangkalan data pelanggan antaranya pangkalan data OVID, Blackwell Synergy, Proquest Health & Medical Complete, EBSCO Medical dan lain-lain.



Pangkalan Data Langgan




Pendaftaran Dalam Talian



Permohonan Sistem Pembekalan Dokumen

### 3. Pemberitahuan (Alerts)

Portal baru ini juga menyediakan kemudahan peringatan / alerts kepada pelanggan dan pentadbir sistem bagi akaun yang akan tamat dalam tempoh 30 hari.



Pemberitahuan (Alerts)

Sambutan 10 tahun HUKM

HUKM Menongkah Kecemerlangan  
**10 Tahun 1997 - 2007**



Sekitar Majlis Sambutan 10 tahun HUKM yang diadakan pada 9 - 13 Julai 2007

Lawatan ke Pusat Sumber Petronas



Peserta lawatan mendengar taklimat yang disampaikan oleh En. Azahar Mohd Noor, Pengurus Pusat Sumber Petronas.

Lawatan Pelajar Nurses Association,  
Nanyang University Singapore



Peserta lawatan dari Nurses Association,  
Nanyang University Singapore

KL Book Fair



Cik Mariati & En. Jamaludin antara kakitangan Perpustakaan  
HUKM yang menghadiri KL Book Fair.

## London Book Fair 2007

London Book Fair 2007 (LBF) telah diadakan di Earls Court, London dari 16 hingga 18 April 2007. Pameran buku terbesar musim bunga selama 3 hari ini telah menghimpunkan lebih 23,000 orang terdiri dari pengarang, penyunting, penerbit dan wakil-wakil penerbit, pembekal, penjual dan pemborong buku di samping pustakawan dari 115 negara.

Perpustakaan HUKM telah menghantar 2 orang pustakawan iaitu Puan Maimunah Kadir, Ketua Perpustakaan dan Encik Wan Suhaimi Ariffin, Timbalan Ketua Pustakawan melawat pameran LBF, membuat pemilihan dan mengunjungi penerbit-penerbit terkemuka dalam bidang perubatan seperti *Elsevier, Thieme, Springer, Lippincott Williams Wilkin, Hodder Arnold, Thompson dan Learning Matters*. Selain melawat LBF pemilihan buku juga telah dibuat di kedai buku *Foyles* dan *Blackwell* di Charing Cross terutamanya untuk bahan-bahan persediaan peperiksaan terbitan penerbit *Pastest* yang sukar diperolehi di Malaysia. Sejumlah 500 judul buku telah berjaya dipilih dan diperolehi sepanjang lawatan ke LBF dan kedai buku sekitar London.

Akhir sekali lawatan ke LBF kali ini juga telah dimanfaatkan untuk melawat Perpustakaan University of Bournemouth untuk melihat kejayaan universiti tersebut melaksanakan institusi repositori yang memuatkan segala hasil penerbitan universiti yang boleh dicontohi oleh perpustakaan HUKM kerana ia juga sedang dalam proses untuk mewujudkan repositori institusi untuk menyimpan segala hasil penerbitan pensyarah Fakulti Perubatan secara berpusat, sistematik dan mudah diakses apabila diperlukan kelak.



En. Wan Suhaimi Ariffin ketika berada di London Book Fair.

## Seminar Pangkalan Data Komersil



En. Azlan Mohamad Hamzah telah mengikuti dan membentangkan kertas kerja pada Seminar Pangkalan Data Komersil 2007, 7-8 Ogos 2007, di Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah.

## Anugerah

Puan Maimunah Kadir, Ketua Perpustakaan HUKM telah dikurniakan hadiah utama bagi Anugerah Khidmat Masyarakat. [Kategori Pegawai]

Tabung Pustaka Maya Lim Goh Tong telah dikurniakan hadiah utama bagi Anugerah Penajaan Kewangan. [Kategori: Derma/Sumbangan]

Penyampaian hadiah akan diadakan pada Majlis Malam Anugerah Sarjana Bestari ke-2 UKM pada 5 Disember 2007 di Hotel Equatorial, Bangi.

## Seminar LAS di Singapura



En. Azlan Mohamad Hamzah ketika mengikuti Seminar LAS Conference ; *Librarians : Learning, Strengthening, Moving forward* pada 29 - 30 Januari 2007 di Singapura

## Latihan Sangkut (Attachment) dari Luar Negara

Perpustakaan HUKM telah mengadakan Program Latihan Sangkut (Attachment program) kepada Ibu Putri Prathwi iaitu Pustakawan dari Universitas Indonesia pada 2 - 27 Julai 2007. Latihan merangkumi Proses Perolehan, Pengkatalogan, Perkhidmatan Maklumat dan Khidmat Pelanggan Perpustakaan.

## Ulasan Buku


### Brunner and Suddarth's Textbook of Medical-Surgical Nursing

by Suzanne C. O'Connell Smeltzer, Brenda G. Bare, Brenda G. Bare, Janice L. Hinkle, Kerry H. Cheever

#### Book Description

The best-selling textbook of medical-surgical nursing is now in its Eleventh Edition—with updated content throughout and enhanced, state-of-the-art ancillaries. Highlights include a stronger focus on health promotion, more extensive coverage of patients with chronic illness and disabilities, a Watch and Learn feature linked to audiovisuals on the free bound-in CD-ROM, and Evidence-Based Practice questions in each chapter linked to journal articles on the book's companion Website. A new, more engaging design features photographs of nurses interacting with patients.

This edition's thoroughly revamped CD-ROM includes over 4,000 revised study questions and numerous three-dimensional animations that demonstrate disease processes.



#### Book details

- ~ Hardcover: 2776 pages
- ~ Publisher: Lippincott Williams & Wilkins
- ~ ISBN-10: 0781759781
- ~ Call number: 9HUKM WY150.B8972 2008


### The LASIK Handbook: A Case-Based Approach

by Robert S Feder, Christopher J Rapuano

#### Book Description

Unique in its focus on the patient rather than the technology, this handbook is a practical, accessible guide to LASIK surgery. Expert surgeons detail each step of patient evaluation, surgical planning, procedure, and management of complications, discuss the pros and cons of commonly used equipment, and demonstrate the nuances of technique. Emphasis throughout is on correct decision-making, preoperatively, intraoperatively, and postoperatively.

The book features 75 actual cases with expert discussion of effective strategies for each case. Indexes help readers quickly locate cases by symptom/finding or by equipment used. Over 70 full-color clinical photographs and other illustrations complement the text.



#### Book details

- ~ Paperback: 288 pages
- ~ Publisher: Lippincott Williams & Wilkins
- ~ ISBN-10: 0781762081
- ~ Call number: 9HUKM WW39.L344 2007

### Doing Practitioner Research

by Mark Fox, Peter Martin, Gill Green

#### Book Description

This is an ideal text for the growing number of practitioners working in health, education, and social care who are undertaking research. Authors Mark Fox, Gillian Green, and Peter Martin provide the perfect introduction to why practitioners are in the unique position to conduct research that actually improves professional practice. The authors cover in detail the range of skills and techniques necessary to make a successful start to the process of becoming an effective practitioner researcher.

Doing Practitioner Research focuses on helping practitioners conduct research in their own organizations, and attention is given to the best methods for doing this effectively and sensitively. The theoretical, political, and organizational context of doing authors also attend to the research, as well as addressing the ethical and practical issues of undertaking research.

This book will be essential reading for those professionals/practitioners engaged in research in their own organization or undertaking a post-graduate qualification in Health, Social Care, or Education.



#### Book details

- ~ Paperback: 224 pages
- ~ Publisher: Sage Publications Ltd
- ~ ISBN-10: 1412912342
- ~ Call number: 9HUKM LB1028.F793d 2007

## Pangkalan Data Baru



**P**

angkalan Data InfoPOEMs adalah sumber dalam talian yang menyediakan sumber maklumat yang terkini dalam bidang perubatan bagi tujuan penyelidikan dan rawatan klinikal. POEM bermaksud *Patient-Oriented Evidence that Matters*. Kriteria Pangkalan Data ini adalah :

- Ø Ia menjelaskan dan memberi jawapan kepada setiap persoalan dalam bidang perubatan.
- Ø Menfokus kepada maklumat perubatan yang diambil perhatian oleh para pesakit dan orang awam tentang gejala penyakit dan kualiti kehidupan.
- Ø berpotensi dalam mengubah sesuatu praktis perubatan
- Ø menyediakan maklumat yang relevan sahaja dan menggunakan kriteria yang spesifik oleh Centre for Evidence-Based Medicine, Oxford.

Ia juga menyediakan perkhidmatan 'email alert' secara harian bagi maklumat terkini serta penyelidikan terbaru yang berkaitan masalah pesakit mengikut bidang. Ia mengandungi maklumat daripada lebih 1,200 kajian dalam lebih 100 jurnal perubatan dan diulas setiap bulan. InfoPoems mengandungi InfoRetriever yang menyediakan maklumat 'evidence-based' yang berkualiti dan relevan. InfoRetriever menyediakan enjin pencari yang mencari maklumat dari pelbagai pangkalan data secara serentak seperti berikut :


1	Griffith's Five-Minute Clinical Consult	5	History and Physical Test Calculators
2	Clinical Rules and Calculators	6	Cochrane Database of Systematic Reviews
3	InfoPoems Database	7	Practice Guideline Summaries
4	Diagnostic Test Calculators	8	ICD-9 Look-up wizard and E/M Coding Wizard

Sesungguhnya, Pangkalan Data InfoPoems adalah amat berguna kepada semua pelanggan Perpustakaan HUKM yang terdiri daripada semua pelajar, para doktor dan kakitangan serta para penyelidik di Kampus Kesihatan, UKM.

Untuk mengakses pangkalan data ini sila ke Portal Perpustakaan HUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) dan sila klik pada pautan Pangkalan Data Langgan/*subscribed Databases*, seterusnya klik pada pautan InfoPOEMs. Sila gunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan yang disediakan. Selamat Mencuba!!

## Primal Pictures

Ideal for teachers, students, physicians, physicians' assistants, nurses allied health professionals, and even researchers, specializing in medicine, physical and occupational therapy, sports medicine, and other specialties. Primal Pictures Interactives Anatomy and Ovid provides a dynamic interactive multi-media overview of human anatomy - from head to toe! This interactive resource is comprised of more than 20 learning and teaching modules covering basic human anatomy and focusing on one or more areas of the body. Also included are a study guide, test bank, and an optional test management system to build custom quizzes for students.



### Modules Include:

- Pelvis
- Knee
- Knee - Surgery
- Knee - Sports Injuries
- Foot
- Foot & Ankle - Sports Injuries
- Foot - Podiatric Medicine and Surgery
- Interactive Functional Anatomy
- Head and Neck
- Shoulder
- Shoulder/Sport Injuries
- Hand/Physical Therapy
- Hip
- Spine
- Spine - Clinical
- Spine - Chiropractic
- Thorax and abdomen
- All Title (Includes all modules plus the Test Bank, a series of quizzes for students)

## Sanggar Kerja Perpustakaan HUKM



### Sanggar Kerja Perpustakaan HUKM 2007

Perpustakaan HUKM telah mengadakan sanggar kerja kali ketiga pada 1-3 Jun 2007 di Langkawi yang mana ianya telah dihadiri oleh semua kakitangan perpustakaan. Sanggar kerja kali ini juga turut dihadiri oleh Ketua Perpustakaan PTSL, En. Abu Bakar Maidin selaku penceramah jemputan.

Tujuan diadakan sanggar kerja ini adalah khusus untuk membincangkan halatuju Perpustakaan HUKM 2007-2010 bagi memantapkan perkhidmatan berkualiti untuk 3 tahun akan datang. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kakitangan di semua peringkat, memupuk semangat kerja berpasukan dan pemahaman tentang tugas, tanggungjawab individu, jabatan dan organisasi.

Kakitangan juga diminta untuk membuat KPI (Key Performance Indicator) bagi setiap proses kerja utama bahagian masing-masing. KPI ini juga bertujuan untuk mengukur kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan untuk meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

Sanggar kerja kali ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu kerja dengan memaksimumkan produktiviti dan pengurusan kerja yang lebih teratur.



*Ketua Pustakawan UKM sedang memberi ceramah.*



*Kakitangan Perpustakaan HUKM yang menghadiri Sanggar Kerja di Langkawi*